

NO. SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7844

SOALAN:

Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil bagi membanteras kegiatan judi haram contohnya wujudnya premis menjalankan kegiatan mesin judi haram di kawasan Lubok Antu kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah memandang serius aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara. Pihak PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah perjudian ini yang banyak menimbulkan masalah sosial dan menghindari amalan negatif terutama di kalangan golongan remaja.

Pihak polis telah melancarkan operasi khas pada Oktober 2014 di seluruh negara termasuk di bandar-bandar utama di Sarawak dan juga di bandar-bandar kecil seperti di Lubok Antu bagi membanteras kegiatan perjudian yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket-sindiket perjudian.

Statistik pembanterasannya aktiviti mesin perjudian berkomputer di Negeri Sarawak bagi tahun 2014 seperti berikut:-

STATISTIK PERJUDIAN KOMPUTER BAGI TEMPOH JANUARI – DISEMBER 2014

DAERAH	MESIN PERJUDIAN/SLOT - JANUARI HINGGA DISEMBER 2014				
	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN	RAMPASAN WANG	PERTUDUHAN
	2014	2014	2014	2014	2014
KUCHING	176	267	2116	20511	166
PADAWAN	83	112	1286	22291	48
MIRI	144	240	1955	50169	108
SIBU	179	1321	2708	149945	76
BINTULU	88	361	959	18481	7
SARIKEI	27	36	275	3236	8
LIMBANG	40	40	329	4324	1
SRI AMAN	16	18	170	2511	6
KAPIT	12	19	107	2152	0
KOTA SHAN	50	55	473	12406	38
SERIAN	7	7	75	895	0
BETONG	19	41	294	8880	2
MUKAH	12	12	100	482	4
MARUDI	7	19	58	2199	0
SARATOK	3	13	60	2399	2
BAU	19	27	164	4797	16
LAWAS	31	42	221	2649	0
MERADONG	10	10	85	925	5
LUNDU	0	0	0	0	0
JULAU	0	0	0	0	0
SONG	0	0	0	0	0
SIMUNJAN	0	0	0	0	0
TATAU	1	1	8	0	1
KANOWIT	8	11	62	740	4
DALAT	2	2	11	300	0
MATU DARO	1	3	8	135	0
LUBUK ANTU	9	16	135	2362	2
BELAGA	0	0	0	0	0
JUMLAH	944	2673	11659	312789	494

Statistik pembanterasannya aktiviti mesin perjudian berkomputer di Negeri Sarawak bagi tahun 2015 (sehingga April) seperti berikut:-

STATISTIK PERJUDIAN KOMPUTER BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA MARCH 2015

DAERAH	MESIN PERJUDIAN/SLOT - JANUARI HINGGA APRIL 2015				
	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN	WANG RAMPASAN	PERTUDUHAN
	2015	2015	2015	2015	2015
KUCHING	34	174	561	5734	2
PADAWAN	38	125	622	12113	0
MIRI	12	80	176	8186	0
SIBU	94	499	1301	45218	0
BINTULU	8	52	88	1977	0
SARIKEI	6	34	151	11356	0
LIMBANG	6	17	69	2210.65	0
SRI AMAN	2	13	14	515	0
KAPIT	3	5	20	250	0
KOTA SHAN	15	77	279	4725	0
SERIAN	0	0	0	0	0
BETONG	2	5	20	185	0
MUKAH	7	17	116	1345	0
MARUDI	5	48	93	3653	0
SARATOK	0	0	0	0	0
BAU	0	0	0	0	0
LAWAS	4	28	73	2227	0
MERADONG	0	0	0	0	0
LUNDU	0	0	0	0	0
JULAU	0	0	0	0	0
SONG	0	0	0	0	0
SIMUNJAN	0	0	0	0	0
TATAU	0	0	0	0	0
KANOWIT	0	0	0	0	0
DALAT	1	1	9	0	0
MATU DARO	0	0	0	0	0
LUBUK ANTU	0	0	0	0	0
BELAGA	0	0	0	0	0
JUMLAH	237	1175	3592	99694.65	2

Bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) dalam memastikan gejala judi haram diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan bahawa premis tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram. Pihak JIPS telah membuat pemantauan di seluruh negara mulai bulan November 2014 sehingga kini. Statistik pemantauan yang oleh pihak JIPS bermula November 2014 sehingga 3 Mac 2015 seperti berikut:-

JUMLAH PEMANTAUAN	35,832
PREMIS TUTUP	35,058
PREMIS BUKA	808
SERBUAN	161
TANGKAPAN	620 ORANG
RAMPASAN BARANG	1,105
RAMPASAN WANG	RM 26,939

Pihak polis sememangnya serius untuk membasmi kegiatan perjudian ini dan kini sedang memantau Modus Oprandi (MO) baru yang digunakan oleh sindiket-sindiket dengan cara mengubah lokasi ke kondominium serta rumah kediaman bagi mengaburi mata pihak penguatkuasa. Selain itu, terdapat juga cubaan sindiket perjudian melalui ejen-ejen. Mereka menjalankan perniagaan dengan menggunakan *tablet* dan *handphone (on demand)* dengan kaedah

tablet akan diserahkan kepada pemain secara tertutup untuk mendapatkan jaringan perjudian. Cubaan terbaru ini telah berjaya dikesan oleh pihak PDRM dengan beberapa serbuan dan tangkapan yang telah dibuat terhadap taktik terbaru ini.

Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi “Op Dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku. Namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis di samping orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.